

MY25784
September 2025
Edisi Yang Disemak Semula V4



ASUS VivoWatch 6

E-Manual



Aplikasi Android



Aplikasi iOS

Isi Kandungan

Pengenalan	4
Perihal manual ini	5
Kelaziman yang digunakan dalam manual ini	6
Tipografi	6
Langkah-langkah keselamatan	7
Langkah berjaga-jaga bateri	8

Bab 1: Bermula

Mengenali VivoWatch 6 anda	10
Mengecas peranti anda	14
Memakai peranti anda	16

Bab 2: Menggunakan ASUS VivoWatch 6 anda

Berpasangan buat kali pertama	20
Menavigasi VivoWatch 6 anda	21
Menatal semua ciri ASUS VivoWatch 6	23
Melihat maklumat lanjut untuk ciri yang dipilih	24
Ciri-ciri VivoWatch 6	25
Skrin utama	25
Skrin indeks PTT	26
Skrin tahap nadi O2	29

Skrin kadar denyutan jantung.....	30
Skrin senaman.....	31
Skrin Komposisi Badan.....	33
Skrin tetapan	37
Skrin aktiviti	39
Skrin pengukuran Indeks Bertenang.....	40
Skrin tidur	41
Skrin cuaca.....	42
Ciri-ciri lain yang berguna	43
Pemberitahuan	46
Peringatan.....	48
Butang fungsi	50
Mengemas kini VivoWatch 6 anda.....	51
E-label dan maklumat peranti.....	52
Spesifikasi peranti.....	53

Lampiran

Pengenalan

Terima kasih kerana membeli ASUS VivoWatch 6! ASUS VivoWatch 6 ialah peranti sesuai dipakai yang menampilkan teknologi ASUS HealthAI dan beberapa fungsi kecergasan dengan semua manfaat yang tepat, pintar dan kompak. Sila isikan maklumat berikut untuk rujukan masa hadapan:

TARIKH PEMBELIAN: _____

NOMBOR SIRI: _____

Kokot resit anda di sini

Daftar produk anda di

https://account.asus.com/product_reg.aspx

Perihal manual ini

Manual ini menyediakan maklumat mengenai ciri perkakasan dan perisian ASUS VivoWatch 6 anda, disusun menerusi bab-bab berikut:

Bab 1: Bermula

Bab ini menghuraikan komponen perkakasan ASUS VivoWatch 6 anda dan menunjukkan kepada anda cara menggunakan bahagian berbeza ASUS VivoWatch 6 anda.

Bab 2: Menggunakan ASUS VivoWatch 6 anda

Bab ini menyediakan gambaran keseluruhan tentang penggunaan ASUS VivoWatch 6 anda.

Lampiran

Bahagian ini termasuk notis untuk ASUS VivoWatch 6 anda.



Baca semua maklumat dalam manual arahan dan sebarang maklumat lain dalam kotak sebelum mengendalikan peranti. Untuk mendapatkan versi manual lengkap ASUS VivoWatch 6 anda, lawati laman web pelbagai bahasa kami di:

<https://www.asus.com/mobile-handhelds/wearable-healthcare/asus-vivowatch/asus-vivowatch-6-hc-d06/>

Kelaziman yang digunakan dalam manual ini

Untuk menyeralahkan maklumat utama dalam manual ini, beberapa teks dipersembahkan seperti berikut:



Mesej ini mengandungi maklumat penting yang mesti diikuti untuk melengkapkan tugas.



Mesej ini mengandungi maklumat tambahan dan petua yang boleh membantu anda melengkapkan tugas.



Mesej ini mengandungi maklumat penting yang mesti dipatuhi bagi memastikan anda selamat semasa melaksanakan tugas dan menghalang kerosakan pada data dan komponen ASUS VivoWatch 6 anda.

Tipografi

Tebal = Ini menunjukkan menu atau item yang mesti dipilih.

Italik = Ini menunjukkan bahagian yang boleh anda rujuk dalam garis panduan ini.

Langkah-langkah keselamatan

- ASUS VivoWatch 6 dan kabel pengecasan mesti dikitar semula atau dilupuskan dengan betul.
- Jauhkan sebarang komponen kecil daripada kanak-kanak.
- ASUS VivoWatch 6 anda hendaklah hanya digunakan dalam persekitaran dengan suhu sekitar antara 5°C hingga 40°C dan disimpan dalam persekitaran dengan suhu sekitar antara -20°C hingga 45°C.
- Jangan tinggalkan ASUS VivoWatch 6 anda dalam kereta yang panas. Suhu dalam kereta yang diparkir pada hari yang cerah boleh melebihi suhu sekitar yang disyorkan.
- Sesetengah orang mungkin mengalami kerengsaan terhadap bahan tertentu yang digunakan dalam barang kemas, jam dan item lain yang boleh dipakai dan bersentuhan dengan kulit mereka untuk tempoh yang lama. Ini boleh terjadi disebabkan oleh alahan, faktor persekitaran, pendedahan berlanjutan terhadap perengsa seperti sabun, peluh atau sebab-sebab lain.
- Pakai ASUS VivoWatch 6 anda dengan kemas di sekitar lengan bawah anda (jauh daripada tulang pergelangan tangan anda) dengan bahagian bawah peranti menyentuh kulit anda. Tali jam tangan yang terlampau ketat boleh menyebabkan kerengsaan kulit, manakala tali jam tangan yang longgar boleh menyebabkan bacaan kadar denyutan jantung yang tidak tepat.
- Mengekalkan ASUS VivoWatch 6 anda dan talinya dalam keadaan bersih dan kering akan mengurangkan kemungkinan berlaku kerengsaan kulit.
- Perubahan tanpa kebenaran pada ASUS VivoWatch 6 anda boleh jadi berbahaya.

- Jika anda mengalami kemerahan, bengkak, kegatalan atau sebarang kerengsaan atau ketidakselesaan lain pada sekitar kulit anda, atau di bawah ASUS VivoWatch 6 anda, sila tanggalkan peranti tersebut dan dapatkan nasihat doktor anda.
- ASUS VivoWatch 6 bukan peranti perubatan dan bukan bertujuan untuk mendiagnosis keadaan kesihatan. Keputusan pengukuran hanya untuk rujukan anda.

Langkah berjaga-jaga bateri


- Jangan letakkan peranti atau bateri anda berhampiran sebarang sumber haba dengan suhu melebihi 60°C (140°F).
- Jangan sesekali cuba untuk melakukan litar pintas pada bateri.
- Jangan sekali-kali menanggalkan dan memasang semula bateri.
- Hentikan penggunaan jika kebocoran ditemui.
- Jangan gunakan peranti anda atau dedahkan bateri kepada suhu tinggi atau tekanan udara yang terlampau rendah.


1

Bermula


Mengenali VivoWatch 6 anda

Jam Tangan (Nama Model: HC-D06)






Tali jam tangan boleh ditukar ganti



Kabel pengecasan






- Muat turun dan pasang aplikasi teman untuk gambaran keseluruhan data kesihatan anda yang lengkap. Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian Berpasangan untuk kali pertama dalam manual ini.
- ASUS VivoWatch 6 menampilkan 5 ATM tahan air yang menahan tekanan bersamaan dengan kedalaman 50 meter. Sesuai untuk percikan air, hujan lebat, hujan renyai-renyai dan berenang.
- JANGAN guna ASUS VivoWatch 6 anda dalam cecair yang mengandungi bahan kimia atau air masin (seperti air laut, kolam renang atau mata air panas) kerana ia boleh merosakkan penyambung pengecasan. Jika ASUS VivoWatch 6 anda terkena cecair yang dinyatakan, pastikan penyambung benar-benar dibilas dengan air bersih dan keringkannya dengan kain bersih untuk menghalang kakisan.
- Sentiasa laraskan kecerahan mengikut keutamaan anda. Anda disyorkan supaya menaikkan kecerahan apabila anda berada di bawah sinaran matahari di luar bangunan.

Mengecas peranti anda

1. Sejajarkan dan letakkan pin pengecasan kabel pengecasan USB ke atas penyambung pengecasan.
2. Sambungkan kabel pengecasan USB ke sumber kuasa untuk memulakan pengecasan.



Fungsi tertentu akan dinyahdayakan apabila paras bateri lebih rendah daripada 10%. Cas peranti anda dengan kerap untuk prestasi optimum.




- *Sejajarkan dan sambungkan penyambung pengecasan ini (Input: 5Vdc, 0.5A) ke kabel pengecasan untuk mengecas bateri ASUS VivoWatch 6 anda.*
- *Sebelum menyambungkan kabel pengecasan ke ASUS VivoWatch 6 anda, pastikan bahawa penyambung pengecasan dan bahagian bawah ASUS VivoWatch 6 adalah bersih dan kering untuk menghalang kakisan dan gagal berfungsi:*
 - 1. Lap penyambung pengecasan dengan lembut menggunakan flanel bersih.*
 - 2. Lap ASUS VivoWatch 6 anda sehingga kering.*
- *Jangan lakukan litar pintas penyambung pengecasan pada kabel pengecasan.*
- *Sesetengah bank kuasa tidak boleh mengesan peranti arus rendah dan seterusnya tidak akan dapat mengecas ASUS VivoWatch 6.*

Memakai peranti anda


Pakai peranti anda dengan kemas di sekitar lengan bawah anda (jauh daripada tulang pergelangan tangan anda) dengan bahagian bawahnya menyentuh kulit anda bagi mendapatkan maklumat dan data yang lebih tepat.

Jangan ketatkan peranti anda dengan terlalu ketat atau terlalu longgar. Peranti anda harus kekal di tempatnya semasa anda menggerakkan lengan anda.




Menanggalkan tali jam tangan

1. Letakkan tombol bar spring lepas cepat di belakang tali.
2. Luncurkan tombol lepas cepat ke arah tengah tali dan pegang.
3. Tarik tali perlahan-lahan menjauhi cuping di tepi tombol.
4. Lepaskan tombol, kemudian tarik hujung bar spring yang satu lagi keluar daripada lubang cuping dan tanggalkan tali sepenuhnya.



Memasang tali jam tangan

1. Luncurkan tombol lepas cepat ke arah tengah tali dan pegang.
2. Jajarkan dan masukkan hujung bar spring lepas cepat ke lubang cuping di bahagian yang bertentangan dengan tombol lepas cepat.
3. Jajarkan hujung bar spring yang satu lagi dengan lubang cuping lain.
4. Lepaskan tombol dan anda akan mendengar bunyi klik apabila bar spring dikunci.
5. Tarik tali perlahan-lahan untuk memastikan tali diketatkan dengan kemas.



2

***Menggunakan ASUS VivoWatch 6
anda***

Berpasangan buat kali pertama

Jadikan ASUS VivoWatch 6 anda berpasangan dengan aplikasi teman untuk memanfaatkan semua cirinya.

1. Log masuk atau daftar akaun Google atau ID Apple pada telefon anda.
2. Lancarkan **Play Store** atau **App Store**.
3. Cari ASUS HealthConnect, kemudian pasang aplikasi teman.



4. Lancarkan **ASUS HealthConnect** dan log masuk ke akaun anda. Ikut arahan-arahan pada skrin untuk teruskan dengan berpasangan dan penentuan peranti.

Menavigasi VivoWatch 6 anda

Menghidupkan/mematikan kuasa ASUS VivoWatch 6 anda

Tekan butang Laman Utama/Kuasa untuk menghidupkan kuasa ASUS VivoWatch 6 anda. Tekan dan tahan butang Laman Utama/Kuasa sehingga skrin Kuasa Mati muncul, kemudian ketik **Kuasa Mati**.



- *Togol Bluetooth boleh ditemukan pada skrin kuasa mati.*
- *Tekan dan tahan butang Laman Utama/Kuasa selama sepuluh (10) saat jika anda perlu memaksa mula semula ASUS VivoWatch 6 anda.*

Membuka kunci ASUS VivoWatch 6 anda

Tekan butang Laman Utama/Kuasa untuk membuka kunci ASUS VivoWatch 6 anda. Anda boleh menatal menerusi ciri ASUS VivoWatch 6 selepas ia dibuka kunci.



Skrin akan dimatikan secara automatik selepas satu tempoh masa melahu untuk menjimatkan kuasa bateri.

Leret

- Alihkan jari anda secara mendatar merentasi skrin untuk menatal semua ciri ASUS VivoWatch 6, atau pergi ke skrin sebelumnya.
- Alihkan jari anda secara menegak merentasi skrin untuk menatal seluruh senarai aplikasi, atau melihat maklumat atau pilihan lanjut.

Ketik

Ketik skrin untuk memilih item menu atau melancarkan aplikasi.

Menatal semua ciri ASUS VivoWatch 6

Leret ke kiri atau ke kanan untuk menatal semua ciri ASUS VivoWatch 6.



- *Skrin yang ditunjukkan dalam manual ini adalah untuk rujukan sahaja.*
- *Anda boleh menekan butang Laman Utama/Kuasa untuk kembali ke skrin Laman Utama.*

Melihat maklumat lanjut untuk ciri yang dipilih

Leret ke atas atau ke bawah untuk menatal semua senarai aplikasi, atau melihat lebih banyak maklumat atau pilihan apabila tersedia.



Ciri-ciri VivoWatch 6

Skrin utama

Skrin Laman Utama ASUS VivoWatch 6 memaparkan masa, tarikh dan status ASUS VivoWatch 6 anda.





Ikón	Penerangan
	Paras bateri
	Sambungan Bluetooth
	Penggera
	Tahap SpO2
	Indeks PTT
	Kadar denyut jantung
	Langkah-langkah

Skrin indeks PTT

Skrin ini membolehkan anda mengukur data kesihatan anda. ASUS VivoWatch 6 anda juga boleh menganggarkan tekanan emosi anda menggunakan indeks PTT (Masa Pemindahan Nadi).

Pergi ke skrin **indeks PTT** dan letakkan ibu jari anda di atas Sensor elektrik pelbagai guna/sensor PPG.



ASUS VivoWatch 6 anda menggunakan sensor PPG bersama sensor jantung elektrik untuk membolehkan anda mengukur data kesihatan anda dan cara anda memakai ASUS VivoWatch 6 anda boleh menjejaskan ketepatan ukuran.

Untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat:

- Pakai ASUS VivoWatch 6 anda dengan kemas di sekitar lengan bawah anda (jauh daripada tulang pergelangan tangan anda) dengan bahagian bawah peranti menyentuh kulit anda.
- Pakai ASUS VivoWatch 6 anda dengan cara yang selesa. Jangan ikat ASUS VivoWatch 6 terlalu ketat pada pergelangan tangan anda.
- Letakkan ibu jari anda perlahan-lahan ke atas sensor elektrik pelbagai guna/sensor PPG semasa mengukur data kesihatan anda.
- Jangan bergerak semasa mengukur untuk mendapatkan keputusan yang paling tepat.




- Ketepatan pengesan PPG mungkin berbeza bergantung pada keadaan dan persekitaran pengukuran. Jika pengesan PPG kotor, bersihkan pengesan dan cuba lagi.
- Jangan lihat secara terus ke dalam pengesan PPG, cahaya pengesan boleh merosakkan penglihatan anda.
- Sila pastikan kanak-kanak tidak melihat secara terus ke arah cahaya pengesan.
- ASUS VivoWatch 6 bukan peranti perubatan dan tidak membuat tuntutan perubatan. Ia bukan bertujuan untuk mendiagnosis keadaan kesihatan. Keputusan pengukuran hanya untuk rujukan anda. Hanya doktor layak untuk mendiagnosis dan merawat penyakit.

Skrin tahap nadi O2

ASUS VivoWatch 6 anda menampilkan fungsi tahap Nadi O2 berasaskan pergelangan tangan. Ia akan membantu anda menentukan cara badan anda menyesuaikan diri dengan altitud tinggi untuk sukan dan ekspedisi pergunungan tinggi.

Memasuki mod tahap Nadi O2

Untuk memasuki mod tahap Nadi O2, leret ke kiri atau ke kanan dari skrin Laman Utama ke skrin Tahap Nadi O2. Sila pakai ASUS VivoWatch 6 anda pada pergelangan tangan anda dan letakkan ibu jari anda ke atas sensor elektrik pelbagai guna/sensor PPG. Pastikan peranti anda dipakai dengan betul pada pergelangan tangan anda, ukuran akan bermula secara automatik.




Skrin kadar denyutan jantung

Skrin ini menunjukkan kadar denyutan jantung semasa anda. Pengesan PPG pada ASUS VivoWatch 6 anda menentukan kadar denyutan jantung semasa anda secara automatik.


Untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat:

1. Pakai ASUS VivoWatch 6 anda dengan kemas di sekitar lengan bawah anda (jauh daripada tulang pergelangan tangan anda) dengan bahagian bawah peranti menyentuh kulit anda.
2. Pakai ASUS VivoWatch 6 anda dengan cara yang selesa. Jangan ikat ASUS VivoWatch 6 terlalu ketat pada pergelangan tangan anda.
3. Anda boleh mendapatkan keputusan yang paling tepat daripada monitor kadar denyutan jantung apabila anda memanaskan badan.



Skrin senaman

Skrin ini membolehkan anda mengawasi sesi senaman anda. Apabila anda memulakan sesi senaman, ASUS VivoWatch 6 anda akan merekodkan maklumat mengenai sesi senaman semasa dan menunjukkan maklumat semasa ia direkodkan.



Memasuki mod senaman

Untuk memasuki mod senaman, leret ke kiri atau ke kanan dari skrin Laman Utama ke skrin Senaman. Ketik  untuk memasuki senarai senaman, kemudian leret ke kiri atau ke kanan untuk memilih senaman yang anda lebih gemar untuk mulakan. Untuk melihat statistik masa sebenar semasa anda bersenam, leret ke atas dan ke bawah dari skrin senaman.

Memulakan senaman luar bangunan

Apabila senaman luar bangunan dipilih, proses penguncian GPS bermula secara automatik. Anda boleh sama ada mengetik butang langkau untuk melangkau proses dan memulakan senaman tanpa penjejakan GPS, atau menunggu sehingga proses penguncian GPS selesai, kemudian ketik butang semak untuk memulakan senaman.

Menghentikan sebentar mod senaman

Untuk menghentikan sebentar mod senaman, tekan butang Laman Utama/Kuasa atau butang Fungsi, kemudian ketik  untuk menghentikan sebentar mod senaman semasa anda.

Skrin Komposisi Badan

Skrin ini membolehkan anda menjejaki komposisi badan anda. Apabila anda memulakan pengukuran, ASUS VivoWatch 6 anda akan menganalisis komposisi badan anda dan menunjukkan maklumat tersebut semasa ia dirakam.


Memasuki mod Komposisi Badan

Untuk memasuki mod Komposisi Badan, leret ke kiri atau ke kanan dari skrin Laman Utama ke skrin Komposisi Badan. Sebelum analisis bermula, pastikan berat badan anda betul.



Sila pakai ASUS VivoWatch 6 anda pada pergelangan tangan anda, kemudian letakkan hujung jari telunjuk anda ke atas bahagian kanan atas gelang sensor BIA, dan hujung ibu jari anda ke atas ke dua-dua sensor elektrik pelbagai guna/sensor PPG dan gelang sensor BIA secara serentak.

Pastikan peranti anda diletakkan dengan betul pada pergelangan tangan anda dan hujung jari anda tidak menyentuh pergelangan tangan anda, pengukuran akan bermula secara automatik.



Untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat:

Untuk mengukur komposisi badan anda

- Anda disyorkan supaya mengambil ukuran anda pada waktu pagi semasa perut kosong, iaitu selepas mandi.
- Jangan ukur jika anda memasang perentak jantung, defibrilator, atau peranti perubatan elektronik yang lain dalam badan anda.
- Jangan ukur jika anda hamil.
- Jangan ukur jika anda sedang haid.
- Oleh sebab lonjakan pertumbuhan dan perubahan ketara dalam komposisi badan semasa remaja (bawah 20 tahun), keputusan pengukuran mungkin kurang tepat.
- Ukur sebelum melakukan aktiviti yang boleh menyebabkan suhu badan anda naik, seperti bersenam atau mandi.
- Tanggalkan objek logam, seperti barang kemas, sebelum pengukuran.
- Lap bahagian belakang jam tangan untuk menanggalkan sebarang minyak atau serpihan.


Ikut petua-petua ini semasa mengambil ukuran

- Letakkan kedua-dua lengan anda pada paras dada, supaya ketiak anda terbuka dan tidak menyentuh torso anda.

- Pastikan ibu jari anda diletakkan di atas sensor elektrik pelbagai guna/sensor PPG dan gelang sensor BIA di sekeliling skrin (pastikan ibu jari anda menyentuh kedua-duanya) dan jari telunjuk pada bahagian lain gelang sensor BIA secara serentak.
- Tangan yang melakukan pengendalian mestilah mengelak daripada bersentuhan dengan tangan yang memakai VivoWatch 6 semasa seluruh proses pengukuran.
- Jangan bergerak semasa pengukuran.
- Kulit kering atau bulu roma pada pergelangan tangan anda boleh mengganggu penghantaran isyarat. Pastikan losyen pelembap disapu pada kulit anda atau cukur bulu roma anda sebelum mengambil ukuran.

Skrin tetapan

Skrin ini membolehkan anda mengubah tetapan secara terus pada ASUS VivoWatch 6 anda. Leret ke kiri atau ke kanan dari skrin Laman Utama ke **Tetapan**.



Item	Penerangan
Kecerahan	Laraskan kecerahan skrin sentuh.
Bahasa	Ubah bahasa peranti.
Masa	Laraskan masa.
Profil	Tetapkan profil peribadi anda. (Tangan yang memakai, jantina, berat badan, dan tarikh lahir)
Sasaran	Tetapkan sasaran langkah dan kalori harian anda.
Mod GPS	Pilih gabungan sistem navigasi satelit pilihan anda.
Penjimatan kuasa	Aktifkan mod Penjimatan kuasa.
Perihal dan Penetapan Semula	Lihat maklumat lanjut tentang peranti anda, seperti versi perisian tegar, nombor siri, dsb. Anda juga boleh menetapkan semula peranti anda kepada tetapan sistem lalai.

Skrin aktiviti

ASUS VivoWatch 6 anda merekodkan aktiviti harian anda secara automatik dan memaparkannya pada skrin ini. Leret ke kiri atau ke kanan dari skrin Laman Utama untuk memasuki skrin Aktiviti.

Di sini anda boleh melihat aktiviti harian anda seperti langkah yang telah anda lakukan, atau kalori yang telah anda bakar.



Tatal ke atas dan ke bawah dari skrin Aktiviti untuk menyemak lebih banyak aktiviti.

Skrin pengukuran Indeks Bertenang

Skrin ini membolehkan anda mengukur harmoni badan anda (termasuk status bertenang, seimbang dan tekanan). Data harmoni badan akan membantu anda terus menjejaki kesejahteraan anda, dan akhirnya, membolehkan anda meningkatkan keseimbangan badan dan minda anda.



Skrin tidur

ASUS VivoWatch 6 anda menjejaki aktiviti corak tidur anda secara automatik dan memaparkannya pada skrin ini. Leret ke kiri atau ke kanan dari skrin Laman Utama dan tatal ke **Tidur**.

Di sini anda boleh melihat data tidur anda, seperti jumlah masa tidur, peratusan anda terjaga, dalam REM, atau tidur lena.




Skrin cuaca

Skrin ini memaparkan keadaan cuaca lokasi semasa anda dan ramalan cuaca untuk 24 jam berikutnya.

Untuk mendayakan ciri ramalan cuaca pada ASUS VivoWatch 6 anda, lakukan langkah-langkah berikut:

1. Jadikan peranti anda berpasangan dengan aplikasi ASUS HealthConnect.
2. Pastikan kebenaran lokasi untuk aplikasi ASUS HealthConnect didayakan sepanjang masa.
3. Log masuk ke akaun ASUS anda pada aplikasi tersebut.



Ciri-ciri lain yang berguna

Cari telefon saya


Apabila bersambung ke telefon anda, anda boleh mencari telefon anda melalui ASUS VivoWatch 6 anda.

Leret ke atas dari skrin Laman Utama dan tatal ke **Cari Telefon**, kemudian ketik ikon radar untuk mula mencari telefon anda. Anda akan melihat lokasi relatif bagi telefon anda menurut kekuatan sambungan Bluetooth, dan ASUS VivoWatch 6 anda juga akan mencetuskan telefon untuk memainkan isyarat bunyi bagi membantu mencari telefon anda.




Kawalan muzik

Apabila bersambung ke telefon anda, leret ke atas dari skrin Laman Utama, kemudian anda boleh mengawal main semula muzik atau video yang sedang dimainkan pada telefon anda melalui ASUS VivoWatch 6 anda.



Kamera

Apabila bersambung ke telefon anda, pastikan aplikasi kamera dihidupkan, kemudian leret ke atas dari skrin Laman Utama ke **Kamera** dan ketik ikon pengatup untuk mengambil foto melalui ASUS VivoWatch 6 anda.




Pemberitahuan

Apabila bersambung ke telefon anda, anda akan menerima isyarat haptik pada ASUS VivoWatch 6 anda semasa menerima panggilan telefon atau mesej.



Untuk pengguna telefon Android, anda boleh membalas mesej yang anda terima daripada aplikasi pemesejan yang disokong. Terdapat empat (4) balasan lalai yang dicadangkan, dan anda boleh mengedit atau menambah mesej anda sendiri sehingga lima (5) balasan cepat semuanya pada aplikasi ASUS HealthConnect.




Peringatan

Apabila bersambung ke telefon anda, anda boleh menetapkan peringatan pada aplikasi ASUS HealthConnect untuk peringatan pengambilan ubat dan meregangkan badan.



Peringatan pengambilan ubat

Buka aplikasi pada telefon anda, pergi ke **Data kesihatan > Manual**, dan ketik **Tambah kemasukan data baharu** dalam bahagian Pengambilan Ubat. Isikan butiran dan ketik **Simpan**, dan anda akan menerima peringatan pengambilan ubat anda.




Peringatan pergerakan

Buka aplikasi pada telefon anda, pergi ke **Peranti** > **Pemberitahuan**, dan hidupkan **Peringatan Pergerakan**, kemudian anda akan menerima peringatan pergerakan anda selepas tidak bergerak selama satu jam.



Butang fungsi


Butang fungsi di bahagian kanan ASUS VivoWatch 6 anda ialah butang pintasan boleh suai. Buka aplikasi ASUS HealthConnect, pergi ke **Peranti > Suaikan Butang Fungsi**, kemudian anda boleh menugaskan maksimum 4 fungsi pada butang fungsi.



Mengemas kini VivoWatch 6 anda

Menerusi aplikasi ASUS HealthConnect


1. Lancarkan aplikasi **ASUS HealthConnect**.
2. Dari skrin Laman Utama, ketik **Peranti** di bahagian bawah.
3. Pada skrin Peranti, pilih **Kemas kini perisian** dan semak jika terdapat sebarang kemas kini perisian yang tersedia.



E-label dan maklumat peranti

Label untuk peranti ini disediakan secara elektronik. E-label mungkin menyediakan maklumat kawal selia, seperti nombor pengenalan yang dinyatakan oleh tanda pematuhan serantau, serta maklumat produk dan pelesenan yang berkenaan.

Leret ke skrin **Tetapan**, kemudian leret secara menegak ke skrin **Perihal dan Penetapan Semula**. Ketik  untuk menyemak maklumat peranti anda.



Spesifikasi peranti

Nama peranti	ASUS VivoWatch 6
Model	HC-D06
Paparan	AMOLED 1.39"
Ketersambungan	Bluetooth 5.0
Keperluan sistem	Android 8.0 atau lebih tinggi iOS 13.0 atau lebih tinggi
Penarafan kalis air	IP68
Persekitaran penggunaan	Suhu: 5 ~ 40°C Kelembapan relatif: 20 ~ 85% (tiada pemeluwapan) Tekanan atmosfera: 700 hPa ~ 1060 hPa Altitud: 0 ~ 3,000 m

Persekitaran penyimpanan dan pengangkutan	Suhu: -30 ~ 60°C Kelembapan relatif: 20 ~ 95% (tidak meluwap) Tekanan atmosfera: 500 hPa ~ 1060 hPa
Jangka hayat produk	3 tahun
Dimensi (bekas jam tangan)	56.07(L) x 48.76(W) x 12.7(H) mm
Berat	60 g
Dimensi (jalur pergelangan tangan)	Lebar 22 mm

Lampiran

Pernyataan Campur Tangan Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan

Peralatan ini telah diuji dan didapati mematuhi had untuk peranti digital Kelas B, menurut bahagian 15 Peraturan FCC. Had ini direka untuk memberi perlindungan yang munasabah terhadap gangguan berbahaya dalam pemasangan di kawasan kejiranan. Peralatan ini menjana, menggunakan dan boleh meradiasi tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan sejajar dengan arahan pengeluar, boleh menyebabkan gangguan berbahaya pada komunikasi radio. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa gangguan tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini menyebabkan gangguan berbahaya kepada penerimaan radio atau televisyen, yang boleh ditentukan dengan mematikan dan menghidupkan peralatan, pengguna digalakkan untuk cuba membetulkan gangguan dengan satu atau lebih daripada langkah berikut:

- Orientasikan semula atau menempatkan semula antena penerima.
- Tingkatkan pemisahan antara peralatan dan penerima.
- Sambung peralatan ke dalam salur keluar pada litar yang berlainan daripada di mana penerima disambungkan.
- Berunding dengan wakil penjual atau hubungi juruteknik berpengalaman bagi radio/TV untuk mendapatkan bantuan.

AWAS:

Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan jelas oleh penerima hak peranti ini boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Peranti ini mematuhi Bahagian 15 Peraturan FCC. Pengendalian tertakluk pada dua keadaan berikut: (1) peranti ini tidak boleh menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan pengendalian yang tidak dikehendaki.

Amaran pendedahan RF

Peralatan ini mematuhi had pendedahan FCC RF yang ditetapkan untuk persekitaran yang tidak terkawal.

Peralatan ini mestilah tidak diletakkan bersama atau dikendalikan bersama dengan mana-mana antena atau pemancar lain.

Pengisytiharan Pengesahan EU Ringkas

ASUSTek Computer Inc. dengan ini mengisytiharkan bahawa peranti ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain yang berkaitan bagi Arahan 2014/53/EU. Teks penuh pengisytiharan pengesahan EU boleh didapati di <https://www.asus.com/support/>.

AT	BE	BG	CZ	DK	EE	FR
DE	IS	IE	IT	EL	ES	CY
LV	LI	LT	LU	HU	MT	NL
NO	PL	PT	RO	SI	SK	TR
FI	SE	CH	HR	UK(NI)		



Pengisytiharan Pengesahan EU Ringkas bagi peranti ini telah dikemas kini. Peranti ini kini mematuhi Arahan Peralatan Radio 2014/53/EU, dan tidak lagi mematuhi Arahan R&TTE 1999/5/EC.

Jadual Output CE RED RF (Arahan 2014/53/EU)

Fungsi	Frekuensi	Kuasa Output Maksimum (EIRP)
Bluetooth	2402 - 2480 MHz	1 dBm

Pematuhan dan Pengisytiharan Peraturan Alam Sekitar Global

ASUS mematuhi konsep reka bentuk hijau untuk mereka bentuk dan menghasilkan produk kita, dan memastikan bahawa setiap peringkat kitaran hayat produk bagi produk ASUS selaras dengan peraturan alam sekitar global. Selain itu, ASUS mendedahkan maklumat yang berkaitan berdasarkan keperluan peraturan.

Sila rujuk <https://esg.asus.com/Compliance.htm> untuk pendedahan maklumat berdasarkan keperluan peraturan ASUS dipatuhi dengan:

EU REACH SVHC

Perkhidmatan Mengitar Semula/Ambil Kembali ASUS

Program mengitar semula dan ambil kembali ASUS datang daripada komitmen kami terhadap piawaian tertinggi untuk melindungi alam sekitar kita. Kami percaya dalam menyediakan penyelesaian untuk anda, kami mampu untuk bertanggungjawab mengitar semula produk, bateri, komponen lain serta bahan pembungkusan kami. Sila pergi ke <https://esg.asus.com/en/Takeback.htm> untuk maklumat mengitar semula yang terperinci dalam rantau yang berbeza.

Pelupusan betul



Arahan Sisa Peralatan Elektrik dan Elektronik (WEEE) (Arahan 2012/19/EU) ialah undang-undang Kesatuan Eropah yang bertujuan untuk mengurangkan impak alam sekitar daripada peralatan elektrik dan elektronik. Ia mewajibkan pengeluar untuk mengambil tanggungjawab terhadap pengurusan produk mereka pada akhir hayat, menggalakkan pengumpulan, rawatan, dan kitar semula untuk meminimumkan sisa serta menggalakkan pemulihan sumber. Jangan buang peralatan elektrik dan elektronik anda ke dalam sisa domestik.

Simbol tong sampah beroda dengan tanda pangkah pada produk atau pembungkusannya menunjukkan bahawa produk ini (termasuk mana-mana bateri di dalamnya) tidak boleh dilupuskan bersama sisa rumah anda. Untuk mengelakkan potensi bahaya kepada alam sekitar dan kesihatan manusia, satu rangka kerja pengumpulan harus digunakan untuk memulangkan, mengitar semula, dan memulihkan sisa peralatan elektrik dan elektronik (WEEE), dan produk ini telah direka bentuk untuk membolehkan penggunaan semula bahagian serta memudahkan kitar semula bahan-bahan tertentu. Pembuangan yang tidak betul boleh melibatkan risiko akibat kehadiran bahan berbahaya dalam peralatan elektrik dan elektronik, seperti plumbum, BFR, dan komponen berbahaya yang lain. Semak perkhidmatan kitar semula tempatan anda untuk produk elektronik.

<https://esg.asus.com/en/circular-economy/resource-regeneration/global-take-back-service>



JANGAN buang baterai di tempat pembuangan perbandaran.
Simbol tong beroda yang berpalang menunjukkan bahawa bateri tidak boleh diletakkan di tempat pembuangan perbandaran.

Amaran Litium Nordic (untuk baterai ion litium)

CAUTION! Danger of explosion if battery is incorrectly replaced. Replace only with the same or equivalent type recommended by the manufacturer. Dispose of used batteries according to the manufacturer's instructions. (English)

ATTENZIONE! Rischio di esplosione della batteria se sostituita in modo errato. Sostituire la batteria con una di tipo uguale o equivalente consigliata dalla fabbrica. Non disperdere le batterie nell'ambiente. (Italian)

VORSICHT! Explosionsgefahr bei unsachgemäßen Austausch der Batterie. Ersatz nur durch denselben oder einem vom Hersteller empfohlenem ähnlichen Typ. Entsorgung gebrauchter Batterien nach Angaben des Herstellers. (German)

ADVARSELI! Lithiumbatteri - Eksplosionsfare ved fejlagtig håndtering. Udskiftning må kun ske med batteri af samme fabrikat og type. Levér det brugte batteri tilbage til leverandøren. (Danish)

VARNING! Explosionsfara vid felaktigt batteribyte. Använd samma batterityp eller en ekvivalent typ som rekommenderas av apparattillverkaren. Kassera använt batteri enligt fabrikantens instruktion. (Swedish)

VAROITUS! Paristo voi räjähtää, jos se on virheellisesti asennettu. Vaihda paristo ainoastaan laitevalmistajan suositteluun tyypin. Hävitä käytetty paristo valmistajan ohjeiden mukaisesti. (Finnish)

ATTENTION! Il y a danger d'explosion s'il y a remplacement incorrect de la batterie. Remplacer uniquement avec une batterie du même type ou d'un type équivalent recommandé par le constructeur. Mettre au rebut les batteries usagées conformément aux instructions du fabricant. (French)

ADVARSEL! Eksplosjonsfare ved feilaktig skifte av batteri. Benytt samme batteritype eller en tilsvarende type anbefalt av apparatfabrikanten. Brukte batterier kasseres i henhold til fabrikantens instruksjoner. (Norwegian)

標準品以外の使用は、危険の元になります。交換品を使用する場合、製造者に指定されるものを使って下さい。製造者の指示に従って処理して下さい。

(Japanese)

ВНИМАНИЕ! При замене аккумулятора на аккумулятор иного типа возможно его возгорание. Утилизируйте аккумулятор в соответствии с инструкциями производителя. (Russian)

MAKLUMAT HAK CIPTA DAN WARANTI

Tiada bahagian daripada panduan pengguna ini, termasuk produk dan perisian yang diterangkan di dalamnya, boleh dikeluarkan semula, dipindahkan, ditranskrip, disimpan dalam sistem pengambilan semula atau diterjemahkan ke sebarang bahasa dalam sebarang bentuk atau kaedah, kecuali dokumentasi yang disimpan oleh pembeli untuk tujuan sandaran, tanpa kebenaran bertulis yang jelas daripada ASUSTeK Computer INC. ("ASUS").

Waranti atau perkhidmatan produk tidak akan dilanjutkan jika: (1) produk dibaiki, diubah suai atau diubah, melainkan pembaikan, pengubahsuaian atau pengubahan itu dibenarkan secara bertulis oleh ASUS; atau (2) nombor siri itu rosak atau hilang. ASUS MENYEDIAKAN Panduan Pengguna INI "SEPERTI ADANYA" TANPA JAMINAN DALAM SEBARANG BENTUK, SAMA ADA TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA WARANTI YANG DIKENAKAN ATAU SYARAT KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU. ASUS, PARA PENGARAH, PEGAWAI, PEKERJA ATAU EJENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN ATAS SEBARANG KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG, KHUSUS, SAMPINGAN ATAU AKIBAT (TERMASUK KEROSAKAN ATAS KERUGIAN KEUNTUNGAN, KERUGIAN PERNIAGAAN, KERUGIAN PENGGUNAAN ATAU DATA, GANGGUAN PERNIAGAAN DAN YANG SAMA DENGANNYA), WALAUPUN JIKA ASUS TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN KEROSAKAN TERSEBUT YANG TIMBUL DARIPADA SEBARANG KEROSAKAN ATAU RALAT DALAM Panduan pengguna ATAU PRODUK INI.

Nama produk dan korporat yang muncul dalam panduan pengguna ini mungkin atau mungkin bukan tanda dagangan atau hak cipta berdaftar bagi syarikat masing-masing dan hanya digunakan untuk pengenalanpastian atau penerangan dan untuk faedah pemilik, tanpa niat untuk melanggar.

SPESIFIKASI DAN MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM Panduan pengguna INI DISEDIAKAN UNTUK PENGGUNAAN BERMAKLUMAT SAHAJA DAN TERTAKLUK PADA PERUBAHAN PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS DAN TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI KOMITMEN OLEH ASUS. ASUS TIDAK AKAN MENANGGUNG TANGGUNGJAWAB ATAU LIABILITI UNTUK SEBARANG RALAT ATAU KETIDAKTEPATAN YANG MUNGKIN MUNCUL DALAM Panduan pengguna INI, TERMASUK PRODUK DAN PERISIAN YANG DIJELASKAN DI DALAMNYA.

Hak Cipta © 2025 ASUSTeK Computer INC. Hak Cipta Terpelihara.

HAD LIABILITI

Keadaan boleh timbul kerana keingkaran pada alat ASUS atau liabiliti lain, anda berhak mendapatkan ganti rugi daripada ASUS. Dalam setiap keadaan sedemikian, tanpa mengira asas bahawa anda berhak menuntut ganti rugi daripada ASUS, ASUS bertanggungjawab tidak lebih daripada ganti rugi untuk kecederaan badan (termasuk kematian) dan kerosakan harta tanah dan harta peribadi yang ketara; atau apa-apa kerosakan sebenar dan langsung lain akibat peninggalan atau kegagalan melaksanakan tugas yang sah di bawah Penyata Waranti ini, sehingga harga kontrak yang tersenarai bagi setiap produk.

ASUS hanya akan bertanggungjawab atau menanggung rugi anda untuk kerugian, kerosakan atau tuntutan berdasarkan kontrak, tort atau pelanggaran di bawah Penyata Waranti ini.

Had ini juga terpakai kepada pembekal ASUS dan penjual semulanya. Ia adalah maksimum bahawa ASUS, pembekalnya dan penjual semula anda bertanggungjawab secara kolektif.

ASUS TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM MANA-MANA KEADAAN BERIKUT: (1) TUNTUTAN PIHAK KETIGA TERHADAP ANDA UNTUK KERUGIAN; (2) KEHILANGAN, ATAU KEROSAKAN, REKOD ATAU DATA ANDA; ATAU (3) KEROSAKAN KHAS, SAMPINGAN ATAU TIDAK LANGSUNG ATAU UNTUK SEBARANG KEROSAKAN AKIBAT EKONOMI (TERMASUK KEUNTUNGAN ATAU SIMPANAN YANG HILANG), WALAUPUN ASUS, PEMBEKALNYA ATAU PENJUAL SEMULA ANDA DIMAKLUMKAN TENTANG KEMUNGKINAN TERSEBUT.

PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN

Lawat laman web kami yang pelbagai bahasa di <https://www.asus.com/support/>.



Pengeluar	ASUSTek COMPUTER INC.
Alamat	1F., No. 15, Lide Rd., Beitou Dist., Taipei City 112
Wakil Yang Dibenarkan di Eropah	ASUS COMPUTER GmbH
Alamat	Harkortstrasse 21-23, 40880 Ratingen, Germany

[illegible]

